

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 11 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L12268
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi faedah terakru kepada para peminjam menerusi moratorium dan kesediaan Kerajaan untuk meghapuskan faedah tersebut.

2. PR-1441-L12218
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
 - (a) strategi pembukaan semula institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara bagi sesi pengajaran secara bersemuka; dan

 - (b) perkembangan program vaksinasi khususnya dalam kalangan pelajar mahasiswa.

3. PR-1441-L(5)00085
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah ada cadangan pembinaan menara-menara telekomunikasi baru di kawasan Parlimen Igan dan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf menara komunikasi yang ada sekarang ini kerana kebanyakan kawasan masih tidak mempunyai liputan internet atau capaian internet yang rendah.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

4. PR-1441-L11925
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan pinjaman perniagaan dalam semua pakej rangsangan/pemulihan ekonomi negara sejak pandemik, kadar kelulusan permohonan, alasan permohonan ditolak, jumlah peruntukan yang disediakan bagi program pinjaman perniagaan, jumlah pinjaman yang telah diluluskan, serta jumlah peruntukan yang belum diluluskan.

5. PR-1441-L12024
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana perancangan Kementerian dalam meneruskan usaha untuk melaksanakan hanya satu aliran sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan bagi memastikan tiada lagi masyarakat di dalam negara yang tidak fasih berbahasa Malaysia.

6. PR-1441-L(5)00086
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian memantau skrip drama yang sewenang-wenangnya menggunakan watak bergelar Tan Sri dan Datuk Seri yang tidak bermoral seperti melakukan hubungan sulit dengan isteri orang serta mengambil rasuah, kerana ia menjatuhkan imej gelaran tersebut.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

7. PR-1441-L11550
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan harga tiket penerbangan dari Sarawak ke Semenanjung dan Sabah yang sangat mahal ketika pandemik COVID-19 dan apakah langkah pemulihan bagi perkara tersebut.

8. PR-1441-L12597
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan untuk membentangkan kadar vaksinasi terkini bagi seluruh ekosistem pengajian tinggi negara termasuklah kumpulan mahasiswa, pensyarah serta staf sokongan di IPT seluruh negara.

9. PR-1441-L11519
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan dan status terkini program pelancongan eko luar bandar khususnya di negeri Kedah.

10. PR-1441-L11455
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan dan projek komersial yang akan dilakukan sempena pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim.
11. PR-1441-L12046
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan pengeluaran dan pengedaran benih padi sah kepada kepada peladang dapat dipertingkatkan dari segi kualiti benih, ketepatan penjadualan dan manfaat kepada peladang dan Pertubuhan Peladang.
12. PR-1441-L12120
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan proses pemberian kontrak 5G yang bernilai RM11 bilion kepada Syarikat Ericsson, memandangkan mengikut anggaran yang disediakan oleh Pasukan Petugas Khas 5G Kebangsaan, anggaran perbelanjaan untuk penyediaan sistem 5G ini hanya RM 7.5 bilion. Apa tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dilakukan tentang pemberian kontrak ini.
13. PR-1441-L12344
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah daif dan peruntukan disediakan untuk membaiki sekolah-sekolah daif di Parlimen Tanjong Manis. Apakah status pembinaan beberapa buah sekolah daif yang telah diluluskan sebelum ini.
14. PR-1441-L12450
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah status program SMART SBB:-
- (a) nama dan apakah latar belakang 11 syarikat peneraju; dan
 - (b) jumlah pesawah yang terlibat dan adakah pesawah akan dipaksa untuk menandatangani perjanjian ladang kontrak ini.

15. PR-1441-L11501
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu pengusaha-pengusaha zoo di Semenanjung Malaysia yang terjejas teruk dari segi ekonomi hingga menyebabkan kebajikan hidupan liar di zoo-zoo juga terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan 2021.
16. PR-1441-L12425
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan faktor yang diambil oleh Kementerian dalam menentukan destinasi rintis program *COVID-19 Free Destination* dan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Labuan sebagai destinasi rintis memandangkan penduduk Labuan telah mencapai imuniti kelompok dan kadar vaksinasi golongan dewasa akan mencapai 100% dalam masa terdekat.
17. PR-1441-L11790
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil dalam memastikan teknologi pertanian mengikut Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dapat dikembangkan dalam pelbagai aktiviti pertanian seperti fertigasi pintar, akuakultur pintar pengairan pintar dan sebagainya.
18. PR-1441-L11486
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bentuk pemantauan daripada FINAS terhadap penghasilan filem-filem genre *political thriller* yang dihasilkan oleh pengeluar filem tempatan yang boleh mewujudkan persepsi umum yang negatif terhadap penyertaan serta kematangan demokrasi bipartisan yang menjadi amalan kita.
19. PR-1441-L12331
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek penyelenggaraan sebuah sekolah di kawasan Ulu Engkari iaitu Sekolah Kebangsaan Nanga Tibu. Pada tahun 2019 peruntukan untuk pelaksanaan projek ini telah diluluskan dan jika mengikut perancangan asal projek ini akan dimulakan pada tahun 2021, adakah projek ini ditangguhkan atau telah dibatalkan.

20. PR-1441-L12410
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Malaysia bersedia untuk turut menjalankan kempen 3V (*Visit, Vaccinate and Vacation*) sepertimana yang dilakukan di Maldives, Alaska dan New York dalam usaha menghidupkan pelancongan antarabangsa.
21. PR-1441-L12028
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berdasarkan situasi semasa pandemik COVID-19 di dalam negara, sistem penyampaian pelajaran dalam talian harus diperkasakan, sejauh mana tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan capaian internet yang sempurna di kawasan luar bandar serta bentuk bantuan peranti elektronik yang boleh diberikan kepada pelajar dari keluarga B40.
22. PR-1441-L12316
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan kesan menyeluruh ke atas nelayan, petani dan pekebun kecil akibat Perintah Kawalan Pergerakan dan sejauh mana langkah-langkah diambil bagi menangani permasalahan pendapatan mereka yang terjejas.
23. PR-1441-L12363
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju Kerajaan dalam bidang pendidikan dalam masa pandemik COVID-19. Bagaimanakah pembelajaran dapat diteruskan dengan berkesan dengan memastikan kesihatan para pelajar dapat dijamin pada masa yang sama.
24. PR-1441-L11440
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah pencapaian dan kejayaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang telah diumumkan pada 26 Julai 2021 lalu dan nyatakan strategi seterusnya bagi memerangi pandemik COVID-19 ini secara lebih berkesan lagi dan dapat memulihkan dan seterusnya menstabilkan ekonomi negara.
25. PR-1441-L12127
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah peningkatan kes bunuh diri sepanjang pandemik COVID-19 melanda Malaysia; dan

- (b) sejauh mana keberkesanan usaha yang telah dilaksanakan bagi membantu individu yang mengalami tekanan perasaan serta murung.
26. PR-1441-L12340
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah capaian internet di kawasan luar bandar. Adakah hanya dengan menambah bilangan menara telekomunikasi tanpa memperluaskan lagi radius liputan dan mempertingkatkan lagi kadar kelajuan internet.
27. PR-1441-L11806
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah usaha Kementerian dalam memastikan kualiti pembelajaran murid-murid sekolah dapat dikekalkan dan tidak terjejas berikutan penutupan sekolah. Apakah alternatif lain selain dari Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) memandangkan terdapatnya kekangan kepada keluarga yang tidak berkemampuan untuk mengikuti pembelajaran; dan
- (b) sejauh manakah murid-murid sekolah boleh memahami dan mengikuti skop PdPR dan apakah prestasi pembelajaran murid-murid dapat dikekalkan seperti pembelajaran secara bersemuka dengan kehadiran di sekolah.
28. PR-1441-L12600
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memperbaiki dan memudahkan komunikasi tentang SOPs untuk orang awam, termasuk warga bukan negara yang kurang faham Bahasa Malaysia supaya mengelakkan situasi “kemungkinan salah faham bahasa” yang berlaku di Pulau Pinang yang mana Ketua Polis mengatakan bahawa kumpulan di luar Masjid Juru pada Hari Raya Aidiladha (22 April 2021) telah melanggar SOP.
29. PR-1441-L11797
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan strategi Kementerian dalam meningkatkan kawalan ke atas aktiviti pencerobohan pemasangan pukat tunda khasnya di kawasan persisiran pantai Terengganu.

30. PR-1441-L11526
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan cadangan-cadangan untuk membaiki prestasi pelajar yang ketinggalan kerana ketidaksempurnaan pencapaian pelajaran akibat sistem Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi anak-anak di semua peringkat pendidikan rendah, menengah, TVET dan pendidikan tinggi.
31. PR-1441-L11807
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah bantuan-bantuan yang telah dan akan diberikan kepada golongan nelayan, petani dan penternak dalam membantu meringankan bebanan kewangan mereka yang terjejas sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.
32. PR-1441-L12483
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian bagi Guru Interim yang berstatus kontrak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
33. PR-1441-L11547
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan maklumat terkini jumlah pengambilan guru secara *one off* 2021 bagi negeri Sarawak.
34. PR-1441-L11602
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peminjam bank yang menerima moratorium bagi pinjaman mereka, jumlah amaun terlibat setakat ini.
35. PR-1441-L11959
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kementerian cakna keciciran pembelajaran murid luar bandar semasa pandemik dan bagaimana Kementerian menangani masalah tersebut.
36. PR-1441-L11884
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratusan bukan Bumiputera telah dipilih memasuki pengajian Matrikulasi pada 5 tahun yang lepas.

37. PR-1441-L11906
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status ekonomi dan kedudukan kewangan negara Malaysia akibat penularan pandemik COVID-19.
38. PR-1441-L12246
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status pengagihan 150,000 unit laptop di bawah inisiatif CERDIK sehingga kini serta jumlah diterima oleh setiap negeri dan kawasan Parlimen.
39. PR-1441-L11955
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menyalurkan peruntukan yang diluluskan terdahulu dan mohon peruntukan tambahan untuk membina semula sekolah-sekolah daif di seluruh negeri Sarawak.
40. PR-1441-L11629
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini bangunan baru SJK (T) Ladang Sungai Reyla yang masih belum disiapkan sepenuhnya.
41. PR-1441-L12204
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah jangka panjang bagi memulihkan sektor pelancongan negara terutamanya pemain industri pelancongan di Terengganu yang terjejas teruk selain bantuan yang dikemukakan dalam pakej bantuan PEMULIH.
42. PR-1441-L12097
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan SOP untuk industri perlombongan bauksit. Sama ada sudah dibuat satu kajian dalam bentuk projek rintis untuk keberkesanan SOP tersebut. Sekiranya sudah apakah dapatan dari kajian tersebut.
43. PR-1441-L12152
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Smart Sawah Berskala Besar tidak akan menjejaskan hak-hak petani memandangkan pemegang taruh majoritinya daripada syarikat swasta dan korporat.

44. PR-1441-L11719
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah terdapat penambahan hutang negara bagi menampung kos melawan penularan COVID-19 dan pakej-pakej bantuan akibat pandemik. Sekiranya ada, berapa jumlah hutang tersebut.

45. PR-1441-L(5)00077
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah liputan *connectivity internet* menggunakan teknologi satelit MEASAT serta berapa kadar harga data dan berapa ringgit subsidi Kerajaan terutama sekali di luar bandar.

[**Pertanyaan di bawah PM 22(5)**]

46. PR-1441-L11465
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang telah dirangka bagi mewujudkan sesi pembelajaran dan pengajaran fizikal berfokus mengikut subjek bagi calon-calon SPM dan STPM yang bersekolah di kawasan luar bandar yang masih belum divaksinasi, dan kerjasama bersama JKJAV dalam mempercepatkan vaksinasi buat golongan pendidik.

47. PR-1441-L11729
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan komitmen dalam menangani krisis institusi keluarga kesan dari pandemik COVID-19.

48. PR-1441-L11648
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perincian bagi kadar pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah secara keseluruhan dan Parlimen Kota Belud secara khususnya yang tercicir dari sekolah disebabkan faktor kemiskinan sepanjang tempoh Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan.

49. PR-1441-L12124
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara *'one off'* tahun 2021. Adakah sasaran pengambilan itu telah mencapai matlamatnya setakat ini.

50. PR-1441-L11782
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini bantuan kemudahan komputer riba, tablet dan data kepada pelajar B40 seperti yang diumumkan semasa Belanjawan 2021, dan berapakah yang telah diagihkan kepada pelajar di Sabah.
51. PR-1441-L12266
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah GST bakal dikembalikan dan cukai tafsiran individual akan dihapuskan atau dijadikan Combo GST + Cukai Tafsiran Individu.
52. PR-1441-L11659
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan secara perolehan darurat (tanpa tender terbuka) yang telah dilakukan semasa tempoh Darurat dengan mempericikan butir-butir perolehanan termasuk nama-nama syarikat yang terlibat.
53. PR-1441-L11784
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sepanjang tempoh darurat dan Ordinan-ordinan Darurat 2021 berkuatkuasa:-
- (a) berapa jumlah perbelanjaan tambahan yang digunakan oleh Kerajaan (pecahan mengikut sumber, kategori perbelanjaan dan jenis perolehan; dan
 - (b) jumlah individu dan syarikat yang telah dikenakan kompaun dan nilai keseluruhan.
54. PR-1441-L11605
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai cukai yang dikutip mengikut tahun dan kategori industri di bawah *Windfall Profit Levy Act 1998* dari tahun 1999 hingga 2020 dan sama ada Kerajaan berhasrat memansuhkan akta ini atau meluaskan ruang lingkup akta ini.
55. PR-1441-L12291
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah dasar-dasar Kerajaan yang perlu diubah atau ditambah baik untuk membolehkan Malaysia menjadi lebih berdaya saing serta menjadi destinasi pilihan utama bagi syarikat-syarikat pangkalan data seperti *Google* dan sebagainya.

56. PR-1441-L11835
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan dan impak terhadap ekonomi negara akibat penularan pandemik COVID-19. Nyatakan keberkesanan pakej-pakej bantuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan M40 dan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
57. PR-1441-L11666
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peranan 'Pak Sas' dalam usaha melakukan penjenamaan baharu untuk Menteri dan skop kerja beliau serta butir-butir terperinci perbelanjaan yang ditanggung untuk tujuan ini secara rasional di sebalik penjenamaan baharu Menteri semasa tempoh pandemik COVID-19 ini.
58. PR-1441-L12401
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan menjelang pembukaan sekolah pada bulan Oktober apakah SOP terbaru pembelajaran di dalam sekolah, ko-kurikulum, di luar pagar sekolah dan di pusat tuisyen supaya ibu bapa, guru, pengusaha bas sekolah, pengusaha kantin dan pengusaha tuisyen memahami semua SOP dengan jelas.
59. PR-1441-L11571
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif Kementerian untuk membantu pengusaha inap desa yang terkesan dengan wabak COVID-19 dan langkah menghidupkan kembali industri pelancongan berkonsep desa.
60. PR-1441-L12195
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kementerian akan menambah kuota untuk Program NOVA (*Net Offset Virtual Aggregation*). Apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan NEM Rakyat dan NEM Government Ministries and Entities.
61. PR-1441-L12100
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci perkembangan data dan statistik yang inisiatif pendigitalan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) melibatkan usaha pendigitalan untuk industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi tahun 2020 dan 2021.

62. PR-1441-L(5)00089

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang telah dibayar kepada Sin Chew Daily, The Star dan lain-lain untuk kesemua "*advertorial*", antaranya termasuk advertorial seperti berikut:-

- (a) 21 Januari 2021 tentang Bantuan Permai 2021, 22 November 2019 dan 15 Disember 2019 tentang Belanjawan 2020; dan
- (b) Disember 2020 tentang i-Sinar.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

63. PR-1441-L12596

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa murid-murid di luar bandar di Negeri Sarawak dapat mengikuti pelajaran mereka secara maya. Apakah hasil kajian Kementerian sama ada murid-murid itu telah ketinggalan dalam pelajaran mereka.

64. PR-1441-L11647

Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini cadangan untuk menaik taraf atau membina baru Lapangan Terbang Lahad Datu.

65. PR-1441-L11474

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah untuk memperbaiki SOP yang diambil oleh KPM untuk membendung dan mengelakkan kes gangguan seksual di institusi pendidikan di bawah KPM.

66. PR-1441-L12640

Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan sekolah daif di Sarawak, apakah status kerja-kerja membaik pulih sekolah tersebut yang dibiayai dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion daripada duit pembayaran pinjaman oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan. Berapa buah sekolah daif lagi di Sarawak yang tidak dimasukkan di dalam kerja-kerja pembaikan tersebut.

67. PR-1441-L(5)00094

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai CITA, PITA dan cukai individu yang telah dikutip dari Januari 2021 sehingga kini.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

68. PR-1441-L11692
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah yang telah dilaksanakan dan perancangan masa hadapan oleh MAFI bagi memastikan kelestarian rantai bekalan makanan terjamin dan tidak terputus.
69. PR-1441-L11476
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah untuk memperbaiki SOP bagi membendung dan mengelakkan kes gangguan seksual di institusi pendidikan di bawah KPT.
70. PR-1441-L11712
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru sementara yang telah diupah melalui MySTEP dan jumlah guru sementara yang telah ditempatkan di SK, SJKC, SJKT, SMK dan lain-lain..
71. PR-1441-L12663
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kerugian ekonomi kepada negara kesan daripada pandemik COVID-19. Adakah sasaran 3.5% kadar pengangguran, 5.4% defisit Bajet, pertumbuhan GDP 7.5%, hutang dan liabiliti Kerajaan bawah RM1.25 trilion akan dicapai.
72. PR-1441-L12667
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan syarikat penerbangan tempatan seperti MAS, Air Asia dan Firefly ekoran PKP dan penutupan ekonomi yang dilaksanakan serta cadangan menjual Lapangan Terbang Subang. Nyatakan bantuan Kerajaan dan bilangan staf yang diberhentikan atau menerima pemotongan gaji.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
 - * Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021.

2. **Menteri Tenaga Dan Sumber Asli**
 - * Rang Undang-Undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021.

3. **Menteri Tenaga Dan Sumber Asli**
 - * Rang Undang-Undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini, sebagai kertas DR.8 Tahun 2021 hendaklah diterima dan dipersetujukan".

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 3/2021) | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 7/2021) | Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 5. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 6. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 7. | (D.R 15/2020) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 | " |
| | | [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi] | |
| 8. | (D.R 12/2020) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 | " |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 9. | (D.R 2/2021) | Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

10. **Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

- "(a) BAHAWA Dewan ini membahas, dan meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk mengumumkan ordinan-ordinan darurat yang berikut:
- (i) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U. (A) 12/2021*];
 - (ii) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 76/2021*];
 - (iii) Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 77/2021*];
 - (iv) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2021 [*P.U. (A) 110/2021*];
 - (v) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 151/2021*];
 - (vi) Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 173/2021*]; dan
 - (vii) Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 186/2021*].
- (b) BAHAWA selaras dengan peruntukan Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengumumkan Proklamasi atau ordinan itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya menurut kuasa Proklamasi atau ordinan itu atau tanpa menjejaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan suatu Proklamasi baharu di bawah Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan atau memasyhurkan apa-apa ordinan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (c) BAHAWA Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada Kerajaan untuk mengawal ancaman pandemik dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap ekonomi, atau kestabilan awam termasuklah penyampaian perkhidmatan kesihatan awam apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu.

DENGAN INI DEWAN mengambil ketetapan seperti berikut :

Kerajaan mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Parlimen membahaskan dan mengemukakan ordinan-ordinan darurat seperti yang disebut di perenggan (a) menurut kehendak Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan".

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

13. PR-1441-U(27)201

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;

2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;

3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

16. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagi tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

17. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

18. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 8	Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	11 Oktober 2021
ST. 40	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2020 P.U.(A) 350/2020 yang diwartakan pada 14 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 41	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2021 P.U.(A) 314/2021 yang diwartakan pada 23 Julai 2021	11 Oktober 2021
ST. 42	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No.2) 2020 P.U.(A) 377/2020 yang diwartakan pada 24 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 43	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Dipercepat) 2020 P.U.(A) 345/2020 yang diwartakan pada 10 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 44	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.3) 2020 P.U.(A) 348/2020 yang diwartakan pada 11 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 45	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (No.3) 2020 P.U.(A) 378/2020 yang diwartakan pada 24 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 46	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2021 P.U.(A) 25/2021 yang diwartakan pada 22 Januari 2021	11 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 47	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pelanjutan) 2021 P.U.(A) 26/2021 yang diwartakan pada 22 Januari 2021	11 Oktober 2021
ST. 48	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.3) 2020 (Pindaan) 2021 P.U.(A) 165/2021 yang diwartakan pada 12 April 2021	11 Oktober 2021
ST. 49	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2021 P.U.(A) 197/2021 yang diwartakan pada 26 April 2021	11 Oktober 2021
ST. 50	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2019 (Pindaan) 2021 P.U.(A) 231/2021 yang diwartakan pada 23 Mei 2021	11 Oktober 2021
ST. 51	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (Pelanjutan) 2021 P.U.(A) 232/2021 yang diwartakan pada 23 Mei 2021	11 Oktober 2021
ST. 52	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (Pelanjutan) (No.2) 2021 P.U.(A) 233/2021 yang diwartakan pada 23 Mei 2021	11 Oktober 2021
ST. 53	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Dipercepat) 2021 P.U.(A) 254/2021 yang diwartakan pada 3 Jun 2021	11 Oktober 2021
ST. 54	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (No.2) 2021 P.U.(A) 312/2021 yang diwartakan pada 3 Jun 2021	11 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 55	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2020 P.U.(A) 398/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 56	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) (No.4) 2020 P.U.(A) 416/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 57	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN Dan China) (Pindaan) (No.2) 2020 P.U.(A) 424/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 58	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota ASEAN Dan Republik Korea) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 425/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 59	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota ASEAN Dan Jepun) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 426/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 60	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia - New Zealand) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 427/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 61	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Australia - New Zealand) (Pindaan) (No.3) 2020 P.U.(A) 428/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 62	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN – Hong Kong, China) (No.2) (Pindaan) (No.2) 2020 P.U.(A) 429/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 63	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Langkawi) 2020 P.U.(A) 409/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 64	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pangkor) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 412/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 65	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Tioman) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 413/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 66	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Labuan) 2020 P.U.(A) 414/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 67	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2020 P.U.(A) 417/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 68	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Tioman) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 407/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 69	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pangkor) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 408/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 70	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Langkawi) 2020 P.U.(A) 410/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 71	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Labuan) 2020 P.U.(A) 411/2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 72	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.3) 2020 P.U.(A) 367/2020 yang diwartakan pada 22 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 73	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2021 P.U.(A) 267/2021 yang diwartakan pada 14 Jun 2021	11 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 74	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.2) 2021 P.U.(A) 281/2021 yang diwartakan pada 28 Jun 2021	11 Oktober 2021
ST. 75	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan Yang Tidak Dibenarkan Bagi Pembayaran Kepada Syarikat Labuan Oleh Pemastautin) 2018 (Pindaan) 2020 P.U.(A) 376/2020 yang diwartakan pada 24 Disember 2020	11 Oktober 2021
ST. 76	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Atau Penawaran Sukuk Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab) (Pindaan) 2021 P.U.(A) 2/2021 yang diwartakan pada 6 Januari 2021	11 Oktober 2021
ST. 77	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Sukuk Dan Sukuk Runcit Yang Distruktur Menurut Prinsip Wakalah) 2021 P.U.(A) 5/2021 yang diwartakan pada 12 Januari 2021	11 Oktober 2021
ST. 78	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2011 (Pindaan) 2021 P.U.(A) 6/2021 yang diwartakan pada 12 Januari 2021	11 Oktober 2021
ST. 79	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2021 P.U.(A) 30/2021 yang diwartakan pada 26 Januari 2021	11 Oktober 2021
ST. 80	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2021 P.U.(A) 95/2021 yang diwartakan pada 4 Mac 2021	11 Oktober 2021
ST. 81	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2021 (Pindaan) 2021 P.U.(A) 134/2021 yang diwartakan pada 25 Mac 2021	11 Oktober 2021
ST. 82	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2021 P.U.(A) 190/2021 yang diwartakan pada 23 April 2021	11 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 83	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2021 P.U.(A) 209/2021 yang diwartakan pada 4 Mei 2021	11 Oktober 2021
ST. 84	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Kos Peralatan Perlindungan Diri) 2021 P.U.(A) 269/2021 yang diwartakan pada 15 Jun 2021	11 Oktober 2021
ST. 85	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.6) 2021 P.U.(A) 282/2021:REITS/BT yang diwartakan pada 29 Jun 2021	11 Oktober 2021
ST. 86	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2021 P.U.(A) 283/2021:TEMPATAN yang diwartakan pada 29 Jun 2021	11 Oktober 2021
ST. 87	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2021 P.U.(A) 284/2021:ASING yang diwartakan pada 29 Jun 2021	11 Oktober 2021
ST. 88	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 DAN AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Ukraine) 2021 P.U.(A) 223/2021 yang diwartakan pada 7 Mei 2021	11 Oktober 2021
ST. 89	AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2021 P.U.(A) 208/2021 yang diwartakan pada 3 Mei 2021	11 Oktober 2021
ST. 90	AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 Perintah Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pengecualian) 2020 P.U.(A) 177/2020 yang diwartakan pada 2 Jun 2020	11 Oktober 2021
ST. 91	AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) 2018 (Pindaan) 2021 P.U.(A) 48/2021 yang diwartakan pada 9 Februari 2021	11 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 92	AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017 Perintah Cukai Pelancongan (Kadar Cukai) 2017 P.U.(A) 241/2017 yang diwartakan pada 21 Ogos 2017	11 Oktober 2021
ST. 93	AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017 Perintah Cukai Pelancongan (Kadar Cukai Pemberi Perkhidmatan Platform Digital) 2021 P.U.(A) 113/2021 yang diwartakan pada 9 Mac 2021	11 Oktober 2021
ST. 126	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2019	11 Oktober 2021
ST. 130	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.3) 2021 P.U.(A) 330/2021 yang diwartakan pada 5 Ogos 2021	11 Oktober 2021
ST. 131	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2021 P.U.(A) 347/2021 yang diwartakan pada 27 Ogos 2021	11 Oktober 2021
ST. 159	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2019	11 Oktober 2021

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 11.10.2021 (Isnin)	1. YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)	1. Status Cadangan Pindaan Perlembagaan Persekutuan Bagi Memudahkan Ibu-Ibu Mendapatkan Kerakyatan Anak-Anak Yang Dilahirkan Di Luar Negara Yang Mempunyai Bapa Bukan Warganegara Malaysia	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 11.10.2021 (Isnin)	2. YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)	2. PPR Pelangi Indah Dan Isu Gelandangan Semakin Serius	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**